

# Belanjawan lebihan untuk tahun depan

BH 17 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Isnin — Selepas tiga tahun berturut-turut mencatatkan defisit, Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan pada 27 Oktober ini akan menyaksikan lebihan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan dapat memberikan belanjawan lebihan untuk tahun depan kerana negara berjaya mengurus ekonomi dengan baik dan mengatasi

kemelesetan ekonomi.

“Ia adalah belanjawan yang baik. Kita berjaya mengurus ekonomi dan gembira kemelesetan ekonomi sebelum ini sudah bertukar sebaliknya,” kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat prapersidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, hari ini.

Mesyuarat kira-kira se-

jam itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri Kabinet serta ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Belanjawan 2001 akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, pada Jumaat minggu depan.

Dr Mahathir berkata, walaupun belanjawan tahun depan mencatatkan lebih-

an, kenaikan harga minyak baru-baru ini mungkin memberi sedikit masalah.

Ditanya apakah ada kejutuan untuk kakitangan kerajaan, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada Daim.

Mengulas tindakan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor membentangkan usul agar persidangan ditangguh bagi membincang isu rundingan balik royal-

ti minyak, Dr Mahathir berkata:

“Saya percaya ia akan dijawab oleh Tun Daim secara terperinci ketika beliau membentangkan belanjawan nanti,” katanya.

Fadzil membentangkan usul itu mengikut peraturan Majlis Mesyuarat 18(1) dan 18(2) tetapi ditolak oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.